



MAHALNYA SEBUAH KEAMANAN
5 Februari 2016M/ 26 Rabiulakhir 1437H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَلَّمَ وَأَنْعَمَ، وَهَدَانَا بِالْقُرْآنِ لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ،

قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَاثْبُتُوا وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٤٥﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، وَصِفِيهِ وَخَلِيلِهِ، وَخَيْرَتَهُ مِنْ خَلْقِهِ، بَلَّغَ الرِّسَالَةَ، وَأَدَّى الْأَمَانَةَ، وَنَصَحَ الْأُمَّةَ، وَجَعَلَنَا عَلَى الْمَحَجَّةِ الْبَيْضَاءِ لَيْلَهَا كَنَهَارُهَا، لَا يَزِيغُ عَنْهَا إِلَّا هَالِكٌ، صَلَوَاتُ اللَّهِ وَسَلَامُهُ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Para tetamu Allah yang diberkati,

Marilah kita suburkan jiwa dengan nilai takwa yang tinggi kepada Allah SWT, berusaha sedaya-upaya melaksana setiap perintahNya serta meninggalkan segala tegahanNya. Sesungguhnya orang-orang yang benar-benar bertakwa kepada Allah SWT pasti sentiasa memelihara dirinya dan orang lain dari sebarang kerosakan dan keburukan. Mudah-mudahan kita tergolong dari kalangan mereka yang memperoleh ketenangan, keamanan dan kebahagiaan hidup di dunia mahupun akhirat.

Mimbar pada hari yang berbahagia ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk :
“Mahalnya Sebuah Keamanan”.

Saudara-saudaraku yang dikasihi,



Keamanan adalah satu nikmat yang amat berharga dan didambai oleh setiap manusia. Allah SWT menjadikan nikmat ini sebagai medium untuk kita berfikir dan mengambil iktibar agar dengannya iman kita kepadaNya semakin bertambah. Keamanan bererti kita bebas dari segala bentuk ancaman yang menggugat keharmonian. Alhamdulillah, kita amat bersyukur bahawa negara kita berada dalam suasana aman dan damai.

Dengan keamanan, keselamatan akan terus terpelihara, keharmonian terbina dan yang paling utama Islam pasti akan terus dilindungi. Keamanan adalah asas utama dalam usaha untuk menegakkan agama Islam, memaju dan memakmurkan sesebuah negara. Sedarlah, betapa pentingnya keamanan dalam kehidupan manusia, sehingga Nabi Ibrahim AS pernah berdoa kepada Allah SWT agar bumi Makkah dikurniakan dengan keamanan dan kemakmuran. Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 126 :

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ مَنْ آمَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ قَالَ
وَمَنْ كَفَرَ فَأُمَتِّعُهُ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُ إِلَىٰ عَذَابِ النَّارِ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٢٦﴾

Bermaksud : “Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdo'a dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Makkah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman: "(Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga ia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan mengheretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali.”

Lihatlah, sejarah ketamadunan manusia menunjukkan kepada kita bahawa nikmat keamanan mampu memberi sumbangan besar ke arah kemakmuran dan kesejahteraan hidup manusia sejangat. Dengan keamanan kita dapat melakukan urusan kehidupan dunia tanpa merasa takut dan gerun. Justeru, peliharalah keamanan negara yang tercinta ini dari sebarang anasir-anasir yang menggugat kestabilan politik, sosial, ekonomi dan sebagainya.

**Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Di sebalik nikmat kewanan yang kita kecapai hari ini, wujud juga bibit-bibit huru-hara yang dicetuskan oleh golongan-golongan tertentu. Lihat sahaja perbezaan aliran pemikiran yang bercanggah dengan ahli sunnah wal jamaah seperti golongan liberal, pluralisme agama, sekular dan sebagainya. Mereka telah menyebarkan pemikiran-pemikiran baru sehingga menggugat akidah umat Islam. Percanggahan pemikiran inilah yang menjadi antara punca mengapa kewanan negara semakin tergugat. Demikian juga pejuang hak asasi manusia yang memperjuangkan hak-hak yang tidak sepatutnya sehingga membelakangi syariat Islam.

Akidah umat islam di negara ini juga semakin sukar untuk dipertahankan. Wujudnya ajaran-ajaran sesat yang disebarkan oleh kumpulan-kumpulan tertentu sehingga berjaya mempengaruhi sesetengah dari umat Islam. Selain itu, mazhab-mazhab akidah selain dari ahli sunnah wal jamaah seperti Rafidhah, Muktazilah, Qadariah dan lain-lain sedang giat disebarkan. Apabila usaha mereka itu dipersoalkan atau disekat oleh pihak berkuasa, maka hak asasi manusia digunakan oleh mereka untuk mempertahankannya. Lihatlah, betapa mudahnya umat Islam untuk dipengaruhi apabila akidah tidak dipelihara. Kesannya, kehidupan masyarakat Islam yang aman lama-kelamaan akan tergugat juga dengan perbezaan akidah yang tiada penghujungnya.

Suasana hidup yang aman damai di negara ini juga semakin digugat oleh pelbagai bentuk keganasan dan kezaliman. Kita bukan sahaja berhadapan dengan manusia-manusia bernafsu kebinatangan yang melakukan pelbagai jenayah seperti bunuh, ragut, rompak, serangan seksual, rasuah, pecah amanah dan sebagainya malah kita juga berdepan dengan jenayah doktrin atas nama jihad mempertahankan Islam. Baru-baru ini dunia dikejutkan dengan serangan pengebom berani mati oleh individu yang dikaitkan dengan kumpulan Militan DAESH di Turki dan negara jiran kita Indonesia. Kejadian tersebut telah mewujudkan suasana yang tidak aman dan huru-hara sehingga menimbulkan ketakutan. Di Malaysia pula, kejadian yang sama hampir berlaku namun atas kerjasama semua pihak, ianya dapat dipatahkan. Adakah ini perjuangan Islam yang sebenar? Bayangkan, siapakah yang akan menjadi korban jika serangan itu dilakukan di tempat-tempat awam yang sering dikunjungi oleh orang ramai? Apa yang pasti bukan tentera musuh yang terkorban.



Ingatlah pesanan Rasulullah SAW menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibn Majah daripada Ibnu 'Abbas RA :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، إِيَّاكُمْ وَالْغُلُوفَ فِي الدِّينِ، فَإِنَّهُ أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ الْغُلُوفَ فِي الدِّينِ.

Bermaksud : *“Wahai manusia, berhati-hatilah kalian dari sikap melampau dalam beragama, kerana sesungguhnya sikap seperti itulah yang telah menghancurkan umat sebelum kalian.”*

Isu-isu berkaitan keselamatan sejagat mestilah diberi perhatian sewajarnya oleh kita. Suasana ketidaktenteraman yang dihadapi oleh masyarakat di luar sana perlu dijadikan iktibar supaya negara yang kita cintai ini sentiasa terpelihara. Gaya hidup masyarakat yang mementingkan diri sendiri sehingga lupa untuk mengambil peduli hal-hal yang berlaku terhadap umat Islam lain terutama di negara-negara bergolak seperti Syria, Palestin, Iraq dan sebagainya menunjukkan bahawa golongan ini tidak ambil peduli soal keamanan negara dan sejagat.

Para tetamu Allah yang diberkati,

Sebagai umat Islam yang cintakan keamanan, seharusnya kita mengambil peranan bersama-sama pihak berkuasa untuk memelihara dan mengekalkan keamanan negara Malaysia yang kita cintai ini. Tanggungjawab tersebut bukan hanya terletak pada pihak berwajib semata-mata. Kitalah juga yang menjadi penyokong kebenaran, penegak undang-undang, pendokong kesatuan ummah.

Keperluan terhadap ilmu akidah dan pemikiran yang sebenar wajib diutamakan oleh setiap dari kalangan kita. Ini bagi memastikan akidah dan pemikiran yang kita yakini bertepatan dengan akidah ahli sunnah wal jamaah. Carilah juga sebanyak mungkin pengetahuan mengenai aliran pemikiran dan mazhab akidah yang lain bukan untuk dipegang tetapi untuk dijadikan sempadan supaya bukan sahaja kita malah kaum keluarga kita juga tidak akan terpengaruh. Ambil peduli soal akidah yang dianuti anggota keluarga kita sebagai bukti kasih dan sayang kita terhadap mereka.

Mimbar jumaat juga mengingatkan para jemaah sekalian supaya pelihara diri dan ahli keluarga daripada terpengaruh dan terjebak dengan sebarang kumpulan militan yang sentiasa cuba mencetuskan keganasan dan merosakkan keamanan negara.



Telah pun terbukti dengan jelas bahawa perjuangan mereka itu tersasar dari panduan syariat Islam sebenar. Islam tidak melarang umatnya berjihad tetapi mestilah berdasarkan panduan al-Quran dan al-Hadith. Islam telah menetapkan bahawa peraturan semasa peperangan ialah antaranya tidak mencederakan orang awam, kanak-kanak, orang tua dan wanita. Namun, pengebom berani mati pastinya menyebabkan kematian dari kalangan orang awam, wanita bahkan kanak-kanak. Hayati firman Allah SWT di dalam surah al-Maaidah ayat 32 :

مِنْ أَجْلِ ذَلِكَ كَتَبْنَا عَلَى بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنَّهُ مَن قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا وَلَقَدْ جَاءَتْهُمْ رُسُلُنَا بِالْبَيِّنَاتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُمْ بَعَدَ ذَلِكَ فِي الْأَرْضِ لَمُسْرِفُونَ ﴿٣٢﴾

Bermaksud : “Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu, Kami tetapkan atas Bani Israil, bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya, dan demi sesungguhnya, telah datang kepada mereka rasul-rasul Kami dengan membawa keterangan yang cukup terang; Kemudian, Sesungguhnya kebanyakan dari mereka sesudah itu, sungguh-sungguh menjadi orang-orang yang melampaui batas (melakukan kerosakan) di muka bumi.”

Justeru, marilah kita bersama-sama berusaha untuk kukuhkan perpaduan, satukan pemikiran menepati akidah ahli sunnah wal jamaah, peliharalah keamanan, tingkatkan keselamatan, sebagai bukti keimanan yang tinggi kepada Allah SWT.

Saudara-saudaraku yang dimuliakan,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, hayatilah beberapa kesimpulan sebagai pengajaran :



Pertama : Syukuri nikmat keamanan yang Allah kurniakan dengan berusaha memelihara serta mengekalkan keharmonian dan keselamatan setiap warganegara.

Kedua : Berusahalah untuk memahami dan menghayati akidah ahli sunnah wal jamaah sebagai pegangan hidup yang sebenar.

Ketiga : Islam tidak sekali-kali meredhai aktiviti keganasan yang hanya menghancurkan nikmat keamanan yang kita telah kecapai ini.

Firman Allah SWT di dalam surah an-Naml ayat 89 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ خَيْرٌ مِّنْهَا وَهُمْ مِّنْ فَرَجٍ يَوْمَئِذٍ ءَامِنُونَ ﴿٨٩﴾ وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَكُبَّتْ وُجُوهُهُمْ فِي النَّارِ هَلْ تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٠﴾

Bermaksud : “Sesiapa yang datang dengan kebajikan maka ia akan beroleh yang lebih baik daripadanya, dan mereka akan beroleh keamanan pada hari kiamat. Dan sesiapa yang datang membawa amal jahat (yang telah dikerjakannya) maka sudah tentu mereka akan mukanya ke dalam api neraka, (sambil dikatakan kepada mereka): Kamu tidak diberi melainkan balasan apa yang kamu telah lakukan.”

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَبِإِصْحَابِهِ، وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ، وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى إِمَامِ الْمُرْسَلِينَ، وَقُدُورَةِ النَّاسِ أَجْمَعِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ، وَحَافِظُوا عَلَى الطَّاعَةِ
وَحُضُورِ الْجُمُعَةِ مَعَ الْمُصَلِّينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُهُ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ
بِنَفْسِهِ وَتَنَبَّأَ بِمَلَائِكَتِهِ الْمُقَرَّبِينَ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا بِالْمُؤْمِنِينَ :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥١﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.



وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيًّا،
وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ وَوُلَاةِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ الَّذِينَ قَضَوْا
بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ، وَخُصُوصًا عَلَى سِرِي قُدُوكِ بِكَيْنِدَا يَغِ دَفْرَتَوَانِ اِكْوَغِ
الْمُعْتَصِمِ بِاللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ تَوَانِكُو الْحَاجِّ عَبْدِ الْحَلِيمِ مُعَظَّمِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ
بَدَلِي شَاهِ، وَعَلَى سِرِي قُدُوكِ بِكَيْنِدَا رَاجِ قَرْمَايسُورِي اِكْوَغِ تَوَانِكُو حَاجِهِ حَمِينِهِ.
اللَّهُمَّ أَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَدِّينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيْبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً
رَخِيَّةً، يَا رَوْوْفُ بِالْعِبَادِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, kami bersyukur di atas segala nikmat dan rahmat yang Engkau kurniakan, berilah hidayah dan petunjuk kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami, kukuhkanlah perpaduan antara kami, satukanlah hati-hati kami di atas jalan-Mu, permudahkanlah segala urusan kami, tambahkanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa



kami dengan akhlak yang mulia, pimpinlah kami ke jalan yang Engkau redhai, teguhkanlah iman kami dalam menempuhi segala mihnah dan ujian-Mu, kekalkanlah keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara kami Malaysia serta negeri kami khususnya Wilayah Persekutuan. Jauhkan kami dari sebarang pergolakkan, perpecahan dan huru-hara.

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ.
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.